



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

PENYERAHAN PROJEK SIAP LINTASAN PEJALAN KAKI TINGKATKAN KESELAMATAN PEJALAN KAKI DI PARLIMEN PONTIAN

PONTIAN, JOHOR - Yang Berhormat Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia yang juga Ahli Parlimen Pontian P164 mewakili Kerajaan MADANI dan Kementerian Kerja Raya, hari ini telah menyerahkan empat (4) projek siap membina lintasan pejalan kaki searas lampu isyarat di empat (4) lokasi yang berbeza demi meningkatkan keselamatan Rakyat MADANI dan mengurangkan kes kemalangan jalan raya di Parlimen Pontian.

2. Empat lokasi lintasan pejalan kaki tersebut ialah dua di FT005 Jalan Johor Bahru – Melaka dan dua lagi di FT096 Jalan Benut – Simpang Renggam. Dua di FT005 ialah di Seksyen 67.50 berhampiran dengan Sekolah Lebai Mohd Ya’kob, Ayer Baloi dan di Seksyen 79.20 berhampiran Masjid Jamek, Benut. Manakala dua lintasan pejalan kaki di FT096 ialah di Seksyen 0.2 berhampiran Sekolah Kebangsaan Sri Benut dan di Seksyen 9.60 berhampiran Sekolah Kebangsaan Parit Markom.

3. Empat-empat lokasi tersebut adalah tempat tumpuan orang ramai untuk melintas jalan terutama anak-anak sekolah yang hendak pergi ke dan pulang dari sekolah, di samping tempat tumpuan rakyat MADANI berulang alik mengimarahkan Masjid Jamek Benut.

4. Projek membina lintasan pejalan kaki searas berlampu isyarat dan kerja-kerja sivil dan elektrik berkaitan di Seksyen 67.5 FT005 telah dimulakan pada 25 Jun 2024 dan siap pada 30 Oktober 2024 dengan kos bernilai RM249,995.55 dengan kontraktor terlantik ialah Wawasan Abadi.

5. Manakala projek membina lintasan pejalan kaki searas berlampu isyarat dan kerja-kerja civil dan elektrik berkaitan di Seksyen 79.20 FT005 telah dimulakan pada 26 Jun 2024 dan siap pada 30 Oktober 2024 dengan kos kontrak bernilai RM249,995.51 dengan kontraktor terlantik ialah SBH Perkasa.

6. Projek membina lintasan pejalan kaki searas berlampu isyarat dan kerja-kerja civil dan elektrik berkaitan di Seksyen 0.2 FT096 pula telah dimulakan pada 26 Jun 2024 dan siap pada 30 Oktober 2024 dengan kos kontrak bernilai RM249,995.85 dengan kontraktor terlantik ialah Perniagaan Raza Tech.

7. Manakala projek membina lintasan pejalan kaki searas berlampu isyarat dan kerja-kerja civil dan elektrik berkaitan di Seksyen 9.6 FT096 pula telah dimulakan pada 26 Jun 2024 dan siap pada 30 Oktober 2024 dengan kos kontrak bernilai

RM249,998.61 dengan kontraktor terlantik ialah Lulus Bina Enterprise.

8. Tempoh Tanggungan Kecacatan selama 6 bulan dari 30 Oktober 2024 bagi keempat-empat projek ini telah berlalu pada 30 April 2025. Walau bagaimanapun, KKR berharap JKR Pontian terus memantau semua lampu isyarat yang dipasang agar sentiasa berfungsi dengan baik dan teratur.

9. KKR berharap rakyat MADANI memanfaatkan projek rakyat yang telah disiapkan ini selaras dengan 6 teras utama Malaysia MADANI terutama kesejahteraan dan mampan. Untuk itu, KKR mencadangkan supaya rakyat Pontian menaik turun aplikasi MYJALAN dan menggunakannya untuk membuat aduan jalan rosak dan lampu isyarat tidak berfungsi agar cepat diambil tindakan.

10. KKR melalui JKR Malaysia akan terus membudayakan pengurusan bersepadu bagi semua projek-projek rakyat setiap masa serta terus memantau proses-proses pasca penyerahan projek siap supaya tiada perkara yang tertangguh dan dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
23 MEI 2025

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#Jalankitatanggunjawabkita
#KerajaanMADANI
#MADANIbekerja